

PRICOLAX SUPPOSITORIES

Bisacodyl (5mg, 10mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Pricolax*
2. Bagaimana *Pricolax* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Pricolax*
4. Cara menggunakan *Pricolax*
5. Semasa menggunakan *Pricolax*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Pricolax*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *Pricolax*

Ia digunakan untuk merawat masalah sembelit, sebelum/selepas pembedahan, atau sebelum radiologi.

Bagaimana *Pricolax* berfungsi

Bisacodyl tergolong dalam kumpulan ubat laksatif perangsang, yang meningkatkan pergerakan usus.

Sebelum menggunakan *Pricolax*

- Bila tidak boleh menggunakan

- alahan kepada bisacodyl atau ramuan-ramuan lain *Pricolax*
- terdapat keadaan halangan usus.
- keradangan usus
- gejala-gejala abdomen yang tidak diketahui
- luka di bahagian rektum
- buasir yang berulser

- Sebelum menggunakan *Pricolax*

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jangan gunakan bersama dengan ubat dengan kandungan garam potassium atau magnesium pada orang yang mempunyai masalah buah pinggang.

Cara menggunakan *Pricolax*

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 10mg bila perlu

Kanak-kanak: 5 – 10mg bila perlu.

Kanak-kanak kurang 6 tahun: Minta nasihat doktor sebelum guna laksatif.

Untuk dimasukkan ke dalam dubur.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Pricolax*

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan *Pricolax*. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Elakkan penggunaan jangka panjang bagi Mengelakkan kehilangan air dan garam yang banyak, lemah otot dan penurunan berat badan.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan memberi *Pricolax* kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Harus berhati-hati jika digunakan semasa kehamilan dan pada kanak-kanak.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Pricolax* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Ia kadangkala menyebabkan iritasi dan penggunaan berulang mungkin mengakibatkan inflamasi dubur dan rektum. Kadangkala, terdapat kejang

abdomen serius, cirit-birit, sendawa atau loya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan *Pricolax*

- Penyimpanan

Simpan di tempat yang dingin dan kering, bawah suhu 30°C. Jauhkan daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Supositori warna putih.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: bisacodyl.
- Bahan tidak aktif: subanal EF-37.

- Nombor MAL

5mg : MAL19970975XZ

10mg: MAL19970976XZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.
1505, Lorong Perusahaan Utama 1
Taman Perindustrian Bukit Tengah
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

12/04/2017

Nombor siri

BPFK(R4/1)070417/00067